

17 NOV 1999

TIADA PERUBAHAN DALAM KAWASAN PILIHAN RAYA MIC

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini mengesahkan yang parti itu tidak terlibat dalam pertukaran kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ini.

"Tidak ada sebarang perubahan," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa manifesto BN di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

MIC akan bertanding di tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi oleh parti itu pada pilihan raya 1995.

Kerusi-kerusi Parlimen itu ialah Sungai Siput dan Tapah (Perak), Hulu Selangor, Kapar dan Subang (Selangor), Teluk Kemang (Negeri Sembilan) dan Segamat (Johor).

Sementara kerusi-kerusi negeri ialah Ijok, Kota Raja dan Sungai Tua (Selangor), Hutan Melintang, Sungkai dan Pasir Panjang (Perak), Pasir Gudang dan Tenggara (Johor), Sabai (Pahang), Jeram Padang dan Sirusa (Negeri Sembilan), Bukit Selambau dan Lunas (Kedah), Prai (Pulau Pinang) dan Bukit Asahan (Melaka).

Samy Vellu yang akan mempertahankan kerusi Sungai Siput berkata beliau masih menunggu kebenaran daripada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum mengumumkan calon-calon parti itu.

Samy Vellu semalam berkata, parti itu akan menurunkan empat muka baru bagi tujuh kerusi Parlimen dan tujuh muka baru bagi 15 kerusi negerinya.

-- BERNAMA

ES PR